

07 SEP 1997

Umno-Sabbaruddin

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO LANCAR, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata kelancaran perhimpunan agung parti kali ini adalah kerana kerjasama semua pihak.

Perhimpunan agung tahun ini adalah kali pertama yang dikendalikan beliau sejak pelantikannya sebagai Setiausaha Agung akhir tahun lepas.

Katanya masih ada ruang untuk diperbaiki dan adalah menjadi hasratnya untuk melihat mutu penganjuran perhimpunan agung parti meningkat setiap tahun.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perwakilan, pemerhati dan wartawan yang membuat liputan perhimpunan parti masing-masing berpuas hati dengan penganjuran kali ini.

Sabbaruddin berkata antara perkara yang akan diperbaiki pada masa depan adalah untuk memastikan peraturan merokok dipatuhi dan pemakaian pas-pas perhimpunan yang dikeluarkan urusetia.

Beliau kesal kerana terdapat ramai perwakilan, pemerhati dan orang ramai merokok di kawasan-kawasan larangan merokok dan "bertengkar" dengan pegawai keselamatan setelah dilarang masuk ke tempat-tempat tertentu kerana tidak memakai pas.

"Kita buat undang-undang, pegawai keselamatan menguatkuasakannya dan perwakilan serta pemerhati perlu mematuhinya barulah tidak sebarang pertenggaran.

"Presiden parti dan anggota-anggota Majlis Tertinggi pun pakai pas, dan saya tidak lihat mengapa orang lain tidak mahu memakai pas." katanya.

Perhimpunan agung selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dihadiri 1,905 perwakilan dari 165 bahagian Umno.

Sabbaruddin turut mengulas pendapat yang mengatakan perbahasan kali ini agak hambar yang mungkin katanya disebabkan oleh topik yang cuba dikupas agak berat.

"Perkara seperti pasaran saham dan imbalan pembayaran, contohnya mungkin ada perwakilan yang kurang memahaminya dengan mendalam. Perwakilan yang bercakap tentang Koridor Raya Multimedia, agak terbabas juga...," katanya.

-- BERNAMA

SJA RAZ RON